



DARI kiri Yong, Rafe, Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life, Raymond Lew dan Fikri pada majlis pelancaran Takaful Mulia.

## **Sasar premium Takaful Mulia RM10j**

**Kuala Lumpur:** CIMB Islamic Bank Berhad (CIMB Islamic) melancarkan produk takaful terbarunya, Takaful Mulia sekali gus mengunjurkan lebih RM10 juta premium akan dilanggan akhir tahun ini.

Ketua Serantau Pengurusan Kekayaan CIMB Bank Berhad Gary Yong berkata, pihaknya yakin jumlah itu dicapai berikutan kejayaan mencatatkan premium RM3 juta pada prapelancaran Takaful Mulia.

Katanya, Takaful Mulia adalah penyelesaian takaful terbaru dibangunkan eksklusif untuk CIMB Islamic oleh rakan bank takafulnya,

Sun Life Malaysia Takaful Berhad.

"Takaful Mulia unik dan menjadi polisi takaful pertama direka khas untuk pelanggan Muslim.

"Kami percaya produk ini mendapat permintaan dalam kalangan pelanggan yang mencari perlindungan takaful komprehensif dengan pelbagai manfaat," katanya selepas pelancaran Takaful Mulia di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan CIMB Islamic Rafe Haneef dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Muhammad Fikri Mohamad Rawi.